



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN



KBS: 10/2026

RAKAN MUDA TERUS DIPERKASA MELALUI KERJASAMA DENGAN INSTITUSI KEAGAMAAN

3 FEBRUARI 2026

1. YB Menteri Belia dan Sukan telah menerima kunjungan daripada YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) hari ini. Tujuan perbincangan adalah untuk menyuntik elemen kerohanian dalam pembangunan belia secara menyeluruh melalui program Rakan Muda.
2. Perbincangan ini menekankan peranan institusi keagamaan seperti masjid, yang bukan sahaja merupakan tempat ibadah, malah sebagai pusat komuniti yang inklusif dan dinamik, khususnya dalam membangunkan potensi golongan belia melalui program Rakan Muda. Masjid dilihat berupaya menjadi platform pelaksanaan aktiviti belia dan sukan yang bersesuaian dengan nilai serta budaya setempat yang dapat mengeratkan ukhuwah dalam kalangan belia.
3. Usaha ini akan menggalakkan gaya hidup sihat, memperkukuh pembangunan sahsiah, disiplin dan kesejahteraan mental golongan muda selari dengan pendekatan Malaysia MADANI.
4. Kementerian Belia dan Sukan akan terus bekerjasama dengan pihak rumah ibadat daripada agama lain bagi memperluaskan program Rakan Muda secara inklusif, khususnya di bawah gaya hidup Rakan Prihatin. Pendekatan kepada aspek kerohanian ini diharap dapat terus memperkasa pembangunan dan meningkatkan jati diri belia Malaysia.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**



Untuk maklumat lanjut berkaitan siaran media ini, sila hubungi Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Belia dan Sukan di talian 03-8871 3100 atau e-mel ukk@kbs.gov.my